

USIM, JKM anjur laksanakan tanggungjawab sosial

SEREMBAN 10 Mei - Dalam usaha memupuk kasih sayang serta rasa prihatin, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri menganjurkan program *One Day Community Care* di Taman Sinar Harapan Tuanku Najihah, di sini baru-baru ini.

Program tanggungjawab sosial itu merupakan salah satu usaha yang dilakukan USIM dalam usaha melestarikan nilai-nilai murni dan

keprihatinan dalam kalangan penuntutnya terhadap golongan orang kurang upaya (OKU).

Menurut Pegawai Kebudayaan USIM, Ismail Ahmed, aktiviti yang dikendalikan oleh Unit Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM itu melibatkan hampir 50 peserta yang terdiri daripada penuntut universiti berkenaan.

Ismail berkata, aktiviti itu merupakan salah satu cara bagi me-

lahirkan generasi yang mempunyai tanggungjawab, bukan sekadar untuk diri sendiri akan tetapi meliputi masyarakat setempat.

"Apa yang dapat kita lihat tanggungjawab dalam soal kebajikan masyarakat bukan terletak kepada pihak tertentu untuk menyelesaikannya akan tetapi ia melibatkan semua pihak dalam institusi masyarakat.

"Sekiranya ia diabaikan, tidak mustahil satu hari masalah sosial

yang lain akan timbul tanpa penyertaan secara berterusan oleh masyarakat di negara ini," katanya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Bahagian Hal Pelajar USIM, Nasrul Hakim Ahmad berkata, program sehari itu juga turut melibatkan seramai 37 orang anak-anak istimewa dari institusi berkenaan.

"Kurangnya keprihatinan masyarakat antara satu sama lain seperti menjadi budaya semasa se-

hingga situasi ini turut mengugat keteguhan institusi keluarga masyarakat masa kini.

"Gejala negatif ini akhirnya memperlihatkan kesan dan tempas kesibukan tersebut dalam arus kemodenan dengan pelbagai isu sosial yang semakin ketara. Antara isu yang sering hangat diperkatakan ialah isu pembuangan bayi dan kes penderaan kanak-kanak termasuk golongan OKU," katanya.